



**TEKS UCAPAN
YB TUAN EDDIN SYAZLEE SHITH
TIMBALAN MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

**MAJLIS PRAPELANCARAN FILEM
“HASMAH-BILA DEH BERTEMU DET”**

**7 OKTOBER 2019 (ISNIN)
12.00 TENGAH HARI
THE LOVE-MATIC, KUALA LUMPUR**

SALUTATIONS

Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

1. Pertamanya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penerbit atas jemputan bagi merasmikan Prapelancaran dan Sidang Media Filem Hasmah – Bila Deh Bertemu Det.
2. Saya juga amat bersyukur kerana dapat bersama-sama dengan para karyawan, penggiat industri filem tanah air, dan rakan-rakan media yang turut sama memberi sokongan kepada industri filem tempatan.

FILEM-FILEM IKONIK MENGENAI PEMIMPIN WANITA

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Saya tentunya amat berbangga berada di majlis Prapelancaran filem “Hasmah-Bila Deh Bertemu Det” ini kerana dua perkara utama; pertamanya, filem ini mengangkat seorang tokoh, ibu dan negarawan yang begitu dekat dengan semua rakyat Malaysia iaitu Yang Amat Berbahagia, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali. Keduanya, lahirnya Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia pada tahun 1981 kerana perjuangan suaminya, YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi mengangkat industri filem melalui penubuhan sebuah badan kerajaan.

4. Memetik kata-kata YAB Tun Mahathir pada 18 Jun 1981 sewaktu merasmikan Mesyuarat Pertama FINAS iaitu, 'negara-negara lain menumpukan tenaga yang besar dalam mendidik masyarakat mengenai fungsi dan peranan filem. Ini ialah kerana filem-filem bukan sahaja boleh menjadi alternatif kepada filem-filem lain tetapi oleh kerana filem-filem tempatan adalah unik dari segi ciri-ciri tempatannya'.
5. Justeru, filem "Hasmah-Bila Deh Bertemu Det" harus dilihat bukan sahaja dari segi konteks kandungannya yang mengangkat sisi perjuangan wanita hebat ini sebagai isteri, ibu dan pemimpin kepada rakyat namun kepentingan filem bergenre sebegini sebagai khazanah kandungan dan warisan negara.
6. Jika di luar negara karya-karya hebat yang mengangkat perjuangan 'First Lady' seperti Jackie (Amerika Syarikat), Evita (Argentina) dan Habibie dan Ainun (Indonesia) menjadi wadah visual yang ikonik, saya percaya filem "Hasmah-Bila Deh Bertemu Det" seperti ini mampu diterima di peringkat domestik dan antarabangsa.
7. Dari aspek pembangunan identiti dan sosiobudaya, tidak banyak filem tempatan yang mengangkat ketokohan wanita yang menjadi pendukung kepada pembangunan negara, kerajaan dan masyarakat. Justeru, elemen 'feminisme' dalam sesebuah filem seperti ini memberi dimensi segar kepada proses penceritaan, naratif dan landskap sinematik berkaitan tokoh dan pemimpin negara.

PERANAN KERAJAAN UNTUK MEMPERKASAKAN INDUSTRI FILEM

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia sentiasa mendukung kepada kelestarian pembangunan industri filem melalui Pelan Strategik 2019-2023 yang dirasmikan pada 17 Januari 2019 sebagai rangka kerja kementerian serta jabatan, agensi dan bahagian di bawahnya bagi tempoh lima tahun.
9. Di bawah strategi memangkin industri kandungan kreatif yang berdaya saing dan bertaraf global, agensi seperti FINAS menerusi kepimpinan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Yang Berusaha Encik Ahmad Idham Ahmad Nadzri yang juga merupakan penggiat industri sebelum ini sedang berusaha merealisasikan inisiatif-inisiatif baharu kepada penggiat.
10. Ketika ini, industri filem dan televisyen menyumbang 0.3 % peratus kepada Kadar Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dengan anggaran nilai sebanyak RM4.29 bilion pada tahun 2018 dan RM3.93 bilion pada tahun 2017. Pada tahun 2018 juga, Malaysia telah diiktiraf oleh Motion Pictures Association of America (MPPA) sebagai antara 20 buah negara yang mempunyai pasaran pecah panggung terbesar dunia dengan nilai sebanyak RM1.04 bilion. Ini tentunya disumbangkan oleh kejayaan pecah panggung filem-filem tempatan RM170.4 juta pada tahun 2018 berbanding RM57.9 juta pada tahun 2017.

11. Usaha-usaha progresif berterusan juga sedang dijalankan kerajaan melalui FINAS dalam menyelesaikan empat cabaran utama industri iaitu sustainability (jangka hayat), profitability (keuntungan), marketability (kebolehpasaran) dan employability (ransangan pekerjaan). Seperti juga yang disuarakan YAB Tun. Dr. Mahathir Mohamad ketika penubuhan FINAS, filem seharusnya menjadi jentera ekonomi budaya (cultural economy) yang mampu menjana impak sosioekonomi dan menembusi pasaran dunia.

12. Justeru, saya menyeru para pelabur untuk melihat prospek industri filem ini menerusi galakan kerajaan seperti Dana Kandungan Digital, Insentif Penggambaran Filem di Malaysia (FIMI), Dana Pembangunan Penjenamaan dan Insentif Tayangan Filem Cereka di bawah Rancangan Malaysia ke 11 diharapkan mampu mendukung kepada melahirkan lebih ramai penerbit baharu dalam industri seperti semangat penerbit filem Hasmah – Bila Deh Bertemu Det, Saudara Muhammad Hafiz bin Rozlan daripada Tune Production Sdn. Bhd.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Sebelum mengakhiri ucapan, tahniah sekali lagi kepada semua pihak yang bertungkus-lumus menjayakan program pada hari ini dan semoga kejayaan berterusan menanti sehingga tayangan filem ini kelak.

14. Maka dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan pelancaran Filem Hasmah – Bila Deh Bertemu Det. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum w.b.t.